

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2008/2009

April 2009

JKE 212 – Makroekonomi 1

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEPULUH** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan Bahagian A dan **SATU** soalan daripada Bahagian B.

Jawapan hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum menjawab soalan.

Mesin hitung elektronik tak berprogram boleh digunakan untuk peperiksaan ini.

...2/-

BAHAGIAN A**Jawab SEMUA soalan.**


Anda dikehendaki menulis di ruang yang disediakan sahaja.

1. Isikan tempat-tempat kosong di bawah dengan perkataan **anjal sempurna, tak anjal sempurna, amat berkesan, tidak berkesan langsung**.

- (a) Polisi fiskal mengembang menyebabkan ‘himpitan keluar penuh’ berlaku apabila permintaan wang _____
- (b) Dasar kewangan mengembang _____ dalam keadaan di mana keluk IS menunjukkan pelaburan anjal sempurna kadar bunga.
- (c) Dasar kewangan _____ dalam kes ‘perangkap kecairan’ atau dengan kata lain, jika permintaan wang _____ kadar bunga.
- (d) Dasar fiskal mengembang berkesan jika permintaan wang _____ kadar bunga.

(5 markah)

2. Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk $(S+T) - (G+I)$ dan keluk fungsi akaun semasa $(X-M)$.



Titik persilangan kedua-dua fungsi tersebut menunjukkan keseimbangan pendapatan dan kedudukan akaun semasa $(X-M) = 0$. Jika berlaku sebarang gangguan, [imbangan dalam atau imbalan luar] akan berlaku lebihan atau defisit. Jawab soalan berikut:

...3/-

- (a) Ke kiri daripada titik Y^* imbalan dalam negeri $(S+T) - (G+I)$ berada dalam keadaan _____ (2 markah)
- (b) Ke kanan daripada titik Y^* akaun semasa atau imbalan luar $(X-M)$ berada dalam keadaan _____ (2 markah)
- (c) Andaikan G bertambah. Lakarkan perubahan keluk $(S+T) - (G+I)$ yang baru yang menunjukkan akaun semasa $(X-M)$ berada di dalam keadaan defisit. (2 markah)
- (d) Andaikan eksport (X) meningkat. Lakarkan keluk $(X-M)$ yang baru. (2 markah)
- (e) Akibat daripada eksport meningkat, akaun semasa $(X-M)$ berada di dalam keadaan _____ (2 markah)
3. Susun atur imbalan pembayaran (a-g) di bawah tidak mengikut susunan yang betul. Susun semula akaun imbalan pembayaran di bawah mengikut lazimnya dengan menulis nombor urutan di tempat kosong yang disediakan dan penuhkan ruang kosong dengan angka yang betul.
- | | |
|---|---------|
| [.....] (a) Pendapatan | -20,886 |
| [.....] (b) Pindahan Semasa | -6,567 |
| [.....] (c) Imbalan Keseluruhan (lebihan +/defisit -) | 17,819 |
| [.....] (d) Imbalan akaun semasa | |
| [.....] (e) Imbalan akaun modal | |
| [.....] (f) Imbalan barang dan Perkhidmatan | 75,348 |
| [.....] (g) Perubahan aset Rizab | |
- (10 markah)

4. Setiap kes di bawah mungkin merubah sama ada keluk IS, LM atau BP (dan mungkin merubah lebih dari satu keluk). Andaikan keluk IS bercerun negatif; LM bercerun positif dan BP bercerun positif.

	Tanda (\checkmark) bagi keluk yang berubah kedudukan			Tanda (R) kanan atau (L) kiri bagi arah perubahan keluk			Tanda (\checkmark) bagi keluk yang berubah kecerunan		
	IS	LM	BP	IS	LM	BP	IS	LM	BP
(a) Pelaburan autonomi meningkat (I)									
(b) Cukai autonomoi meningkat (T)									
(c) Pendapatan negara rakan dagangan meningkat (X)									
(d) Kecenderungan mengguna sut meningkat (c)									
(e) Kerajaan membeli bon									
(f) Kadar keuntungan luar negeri (q^*) meningkat									
(g) Kadar rizab rasmi dinaikkan									
(h) Permintaan wang motif spekulasi meningkat									
(i) Kadar faedah pulangan (r) bagi modal dalam negeri naik									
(j) Kadar cukai berkadar meningkat (t)									

(25 markah)


5. Polisi fiskal mengembang yang berupa perbelanjaan kerajaan menyebabkan ‘himpitan keluar’.

- (a) Apakah maksud himpitan keluar?
- (b) Berbantukan rajah yang sesuai, tunjukkan kebenaran hujah ini dengan menggunakan kes kesan himpitan penuh. Jelaskan jawapan anda.

(15 markah)

...5/-

6. Anda hendaklah membina SAMA ADA keluk IS, ATAU keluk LM, ATAU keluk BP



Sekiranya berlaku ketidak seimbangan (lebihan atau kurangan) dalam pasaran wang (LM), pasaran barang (IS) dan pasaran luar (BP), jelaskan bagaimana keseimbangan boleh dicapai semula.

(15 markah)

...7/-

BAHAGIAN B

Jawab **SATU** soalan sahaja.

7. Andaikan tidak ada aliran keluar masuk modal (BP menegak). Keluk IS dan LM dalam keadaan normal. Pasar komoditi (IS), pasar wang (LM) dan imbalan pembayaran (BP) berada pada satu titik keseimbangan (r, Y). Andaikan berlaku kejutan luar dan keluk BP bergerak ke kanan. Terangkan bagaimana keseimbangan dapat dicapai semula bagi kes di mana;

- (a) ekonomi mengamalkan kadar pertukaran tetap
- (b) ekonomi mengamalkan kadar pertukaran fleksibel (boleh-ubah)

(20 markah)

8. Baru-baru ini USA menghadapi kejutan dengan kes subprima. Terangkan apa yang berlaku dan apakah pendapat anda apabila kerajaan USA telah menyuntik sebanyak USD 700 bilion untuk memulihkan masalah kegawatan ekonomi tersebut? Berbantuan rajah yang sesuai, jelaskan jawapan anda.

(20 markah)

...9/-

...10-

Angka Giliran: _____

- 10 -

[JKE 212]

- 0000000 -